AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 44
RUANGAN : SETEMPAT

DR Subramaniam (dua kiri) meninjau keadaan wad Hospital Banting.

Gabung tiga hospital

Banting: Kementerian Kesihatan melakukan transformasi terhadap tiga hospital di Selangor dengan menyediakan kepakaran dan kemudahan khusus terhadap beberapa penyakit tertentu di hospital berkenaan.

Menterinya Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, hospital berkenaan adalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Banting (HB) dan Hospital Shah Alam (HSA).

Katanya, transformasi dilakukan dengan menggabungkan ketiga-tiga hospital itu dan setiap hospital dibekalkan tenaga pakar serta kemudahan yang diperlukan untuk mengubati penyakit tertentu.

"Sebagai contoh, jika HB mempunyai kepakaran dalam masalah penyakit buah pinggang, pesakit di HTAR dan HSA yang mengalami masalah ini dirujuk ke HB.

"Begitu juga dengan HTAR dan HSA. Bagaimanapun, rawatan penyakit lain tetap diberikan kepada pesakit," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja di Hospital Banting, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Dr Subramanian berkata, pengkhususan penyakit terbabit belum diputuskan dan perkara itu dibincangkan bersama Pengarah Kesihatan Selangor Dr S Balachandran.

AKHBAR : KOSMO !
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA !

Perkhidmatan pakar tiga hospital di Selangor digabung

BANTING – Kementerian Kesihatan bercadang untuk menggabungkan perkhidmatan pakar tiga hospital di Selangor bagi memberi perkhidmatan yang optimum kepada orang ramai.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, sebagai permulaan, kementerian bercadang untuk mengintegrasikan perkhidmatan pakar di Hospital Klang, Banting dan Shah Alam bagi berkongsi sumber pelbagai bidang kepakaran seperti penyakit berkaitan buah pinggang.

"Ini sebahagian daripada pelan transformasi untuk mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan kesihatan. Melalui penggabungan perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital ini, pakar-pakar boleh melengkapi antara satu sama lain dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

"Sebagai contoh, jika terdapat kepakaran untuk warga emas di Hospital Banting dan ada kepakaran mengenai penyakit buah pinggang di Hospital Klang, kedua-dua hospital boleh berkongsi sumber," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Hospital Banting di sini semalam.

Subramaniam memberitahu, dengan menggabungkan perkhidmatan kesihatan di ketiga-tiga hospital itu, ia membolehkan kementerian melabur lebih pada teknologi dan kakitangan berkelayakan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat dengan mengambil kira kepadatan penduduk yang tinggi di Selangor.

Katanya, kepakaran asas seperti perubatan dan pembedahan bagaimanapun hendaklah disediakan di hospital-hospital itu.

SUBRAMANIAM (tiga dari kanan) melawat pesakit, Nur Fatihah Tukimin, 10, yang mengalami lelah ketika lawatan kerjanya di Hospital Banting, Banting semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LEMBAH KLANG

Serius tangani kesesakan

KUALA LANGAT - Kementerian Kesihatan akan memastikan semua hospital di negara ini terutama di Selangor mempunyai kemudahan asas dalam pelbagai bidang termasuk kepakaran dalam bidang perubatan, perbidanan dan pembedahan di setiap hospital.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, dengan cara ini dapat mengurangkan kesesakan dengan tidak lagi perlu memindahkan pesakit dari sebuah hospital ke hospital lain seperti yang berlaku kini antara Hospital Klang dan Banting.

Menurutnya, kesan memindahkan pesakit telah menyebabkan kesesakan atau limpahan pesakit kerana bertumpu terlalu ramai hanya di sebuah hospital.

"Justeru, kerajaan akan menambah bilangan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu di sesebuah hospital.

"Saya faham situasi di mana pesakit terpaksa bersesak di wad-wad hospital. Malah, kadangkala kemudahan yang terdapat di wad berkenaan juga tidak mencukupi. Oleh itu, kerajaan mengambil langkah mengadakan lawatan kerja di hospital yang terpilih untuk melihat keadaan hospital dan pesakit itu sendiri," katanya.

SUBRAMANIAM

Bagaimanapun beliau berkata, kerajaan berusaha memperuntukkan pelbagai kemudahan dalam Rancangan Malaysia ke-11, di mana melaksanakan pelbagai projek naik taraf di pelbagai hospital bagi menjamin keselesaan.

"Selain mempunyai pilihan ke hospital swasta, mereka yang hendak mendapatkan perkhidmatan di hospital kerajaan juga mendapat keselesaan menerusi kemudahan naik taraf dilakukan.

"Sebagai contoh keperluan Hospital Shah Alam yang menjadi permintaan penduduk sekitar sebelum ini, bakal dibuka tidak lama lagi bagi mengatasi masalah kesesakan di beberapa hospital kerajaan berhampiran," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 42
RUANGAN : LEMBAH KLANG

Kos RM15 juta bina kompleks bedah

Peruntukan diluluskan Kementerian Kesihatan untuk Hospital Banting bagi keselesaan pelanggan

BANTING - Pembinaan sebuah kompleks pembedahan di Hospital Banting dengan anggaran kos RM15 juta pada tahun ini telah diluluskan Kementerian Kesihatan.

Menterinya, Datuk Seri S Subramaniam berkata, kemudahan itu bagi membantu mengurangkan tanggapan negatif pelanggan hospital mengenai kemudahan pembedahan yang tidak lengkap di hospital berkenaan sebelum ini.

Menurutnya, di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) kerajaan akan menggabungkan segala kemudahan lain di hospital Banting dan akan mencadangkan sebuah lagi blok bangunan baharu supaya segala kemudahan asas boleh dijalankan di hospital tersebut.

"Kemudahan ini membantu meningkatkan kemudahan sedia ada supaya pelanggan dapat menikmati kemudahan hospital dengan selesa dan baik.

"Dalam pada itu, saya sendiri sudah mencadangkan kepada pihak pengurusan Hospital Banting untuk menaik taraf klinik kesihatan sedia ada di kawasan Telok Datok iaitu di Klinik Kesihatan Telok Datok supaya perkhidmatannya dapat dipelbagaikan dan dipertingkatkan," katanya mengulas mengenai perkhidmatan perubatan di Hospital Banting sempena Lawatan Kerja di Hospital Banting, semalam.

Subramaniam berkata, harapannya supaya separuh perkhidmatan di Hospital Banting dapat dipindahkan di klinik kesihatan berkenaan bagi mengurangkan kesesakan sedia ada terutama perkhidmatan kecemasan pada waktu malam.

"Perkhidmatan pada waktu malam memerlukan perkhidmatan terbaik bagi elak masalah kepada pelanggan. Jadi, cadangan ini boleh dilaksanakan dengan syarat pelbagai kemudahan dinaiktaraf ikut masa ditetapkan dan keperluan perubatan yang diperlukan pesakit. Namun, kita akan kaji bagi mengelakkan masalah lain," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan cadangan semalam adalah separuh daripada beberapa usaha dilakukan kerajaan bagi penduduk di Kuala Langat dan kawasan sekitar.

"Dalam pada itu, saya sendiri sudah mencadangkan kepada pihak pengurusan Hospital Banting untuk menaik taraf klinik kesihatan sedia ada di kawasan Telok Datok iaitu di Klinik Kesihatan Telok Datok supaya perkhidmatannya dapat dipelbagaikan dan dipertingkatkan."
- Subramaniam

Subramaniam (tiga, kanan) meninjau keadaan pesakit yang mendapatkan rawatan kecemasan di Hospital Banting, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 39
RUANGAN : LEMBAH KLANG

Integrasi kepakaran tiga hospital

Rancangan kementerian untuk bantu tingkat tahap perkhidmatan Hospital Klang, Banting dan Shah Alam

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT - Kementerian Kesihatan merancang mengintegrasikan perkhidmatan kepakaran tiga hospital di Selangor bagi membantu meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan.

Menterinya, Datuk Sri Dr S Subramaniam berkata, kerajaan akan mewujudkan rancangan transformasi itu kepada kegunaan perkhidmatan persekitaran bersama Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dengan menggabungkan tiga hospital di Selangor iaitu Hospital Klang, Hospital Banting dan Hospital Shah Alam yang akan beroperasi beberapa bulan lagi.

Menurutnya, cadangan untuk mengintegrasikan perkhidmatan itu supaya dapat menyokong sebuah hospital dengan hospital yang lain.

"Satu kepakaran khusus akan diletakkan di satu hospital yang akan digunakan oleh hospital lain.

"Sebagai contoh kepakaran warga emas di Hospital Banting, kepakaran pesakit buah pinggang di Hospital Klang dan satu lagi kepakaran di Hospital Shah Alam supaya mereka dapat berkongsi menggunakan bidang bidang ini.

"Namun bidang asas seperti perubatan, perbidanan dan pembedahan mesti ada di setiap hospital tetapi kelebihan perkhidmatan perlu ada di tiga buah hospital berkenaan," katanya sempena Lawatan Kerja ke Hospital Banting, semalam.

Subramaniam berkata, keadaan ini membolehkan perkhidmatan di sesebuah hospital dapat berkongsi kepakaran dan meningkatkan teknologi bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Katanya, untuk jangka masa lima bulan ini, ketiga-tiga hospital berkenaan bakal diisikan beberapa keperluan pakar perubatan seperti dalam bidang pembedahan, ortopedik dan memastikan semua keperluan perubatan yang asas dapat digunakan dalam sesebuah hospital.

"Kementerian juga akan meningkatkan kemudahan yang sedia ada demi menjamin sistem perkhidmatan kepakaran di tiga buah hospital yang dimaksudkan berjaya," katanya.

Subramaniam beramah mesra dengan sebahagian pegawai dan jururawat di Wad Kanak Kanak, Hospital Banting, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LEMBAH KLANG

Denggi semakin membimbangkan

SEBANYAK 33,425 kes denggi dicatatkan di seluruh negara dari Januari hingga 2 April lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Lokman Hakim Sukiman berkata, jumlah kes pada tahun ini mencatatkan kenaikan 36.4 peratus atau 8,195 kes berbanding tahun lalu.

"Pada tahun lalu, dalam tempoh sama, sebanyak 24,510 kes denggi dicatatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis Gerakan Malaysia Bebas Denggi di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MIECC), The Mines, Seri Kembangan baru-baru ini.

Menurutnya, jumlah kematian denggi meningkat sebanyak 104 kematian pada tahun ini berbanding 59 kematian dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

Katanya, kerajaan telah melakukan pelbagai usaha, namun, dalam masa yang sama, masyarakat juga perlu memainkan peranan penting untuk mengawal wabak ini.

"Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan 'foging'. Namun, pelaksanaan 'foging' adalah hanya bersifat sementara.

"Jadi, masyarakat adalah 'nadi' untuk menghapuskan aedes ini. Mereka boleh melakukan pelbagai cara seperti membuat pemeriksaan ke atas rumah mereka, menjaga kebersihan di dalam, luar rumah dan lain-lain lagi supaya nyamuk tidak dapat membiak," katanya.

Menurutnya, apabila masyarakat sudah bertindak, maka ianya sedikit sebanyak dapat menurunkan kadar denggi.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

GST review on health insurance?

> Minister to raise matter after numerous appeals from public

BY ***CHOONG BOON SIEW***
newsdesk@thesundaily.com

BANTING: The Ministry of Health will raise the issue of reviewing the Goods and Services Tax (GST) implementation on health insurance.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said his decision to do so comes in the wake of numerous appeals from the public.

"There is some justification, I think," he said, adding that individuals who took health insurance were reducing the burden of government health services by patronising the private health sector.

Subramaniam said that in his view, health insurance ought to be promoted and supported in that sense as it will eventually lead to less expenditure on the government's part.

"Thus, from a health point of view, the request will be put forward to the Cabinet to decide."

Alongside this, Subramaniam has also requested that the Customs Department broaden its list of GST-exempt medication.

"Most medications used in normal treatments should be exempted," he said, citing cancer medication and treatment as an example.

He said that when the list was provided, it contained over 7,000 types of medicines. Stating that the Customs Department is still reviewing the list and has yet to respond, Subramaniam reiterated that the exemption list ought to be widened.

Subramaniam was on an official working visit to Banting Hospital to ascertain its needs, where he announced RM15 million would be allocated for the hospital for upgrading its basic facilities, as part of the 11th Malaysia Plan.

BERNAMAPIX

Subramaniam chatting with asthmatic patient Nur Fatihah Tukiman, 10, at the Banting Hospital yesterday.